



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019 *NOVEL* CORONAVIRUS (2019-nCoV) DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **satu (1) pertambahan kes positif 2019 *novel coronavirus* (2019-nCoV) di kalangan kontak rapat** dilaporkan pada 30 Januari 2020. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif 2019-nCoV yang dilaporkan pada tahun 2020 sehingga hari ini adalah sebanyak **lapan (8) kes**; iaitu terdiri daripada tiga (3) kes yang sebelum ini dilaporkan dalam kalangan kes *Patient-Under Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV dan lima (5) kes yang sebelum ini dalam kalangan kontak rapat. Kesemua kes positif 2019-nCoV ini adalah terdiri daripada warganegara China.

Kes terbaru yang dilaporkan positif di kalangan kontak rapat ini adalah merupakan isteri kepada kes 2019-nCoV yang dilaporkan di Johor pada 29 Januari 2020. Kes berusia 49 tahun, seorang warganegara China, yang telah dimasukkan ke wad isolasi Hospital Permai, Johor dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Justeru dari 10 Januari 2020 sehingga 30 Januari 2020 jam 12 tengahari, jumlah kumulatif kes PUI bagi jangkitan 2019-nCoV adalah 94 orang; di mana 48 orang adalah warganegara Malaysia, 43 orang warganegara China dan masing-masing satu (1) warganegara Jordan, Brazil dan Thailand. Tiga (3) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 84 kes negatif dan tujuh (7) masih menunggu keputusan makmal.

Seramai 32 orang kontak rapat kepada kes positif 2019-nCoV telah dikenal pasti dan diletakkan dibawah pemerhatian surveilan. Daripada jumlah ini, seramai lima (5) kes daripada kontak rapat ini telah disahkan

positif jangkitan 2019-nCoV dan telah masukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh (4) dan Hospital Permai (1). Kesemua kes positif di kalangan kontak rapat ini adalah berada dalam keadaan stabil. Manakala ujian makmal ke atas 27 kontak rapat lain didapati negatif jangkitan 2019-nCoV. Walau bagaimanapun, kontak rapat ini telah terlebih dahulu diletakkan dibawah Perintah Pemantauan dan Pengasingan dan sentiasa dipantau rapat oleh KKM.

KKM sentiasa memastikan kesiapsiagaan dan respon terhadap wabak penyakit berjangkit dapat dilaksanakan dengan cepat dan baik. Kapasiti dan kapabiliti sedia ada dipertingkatkan bagi menangani kejadian jangkitan 2019-nCoV ini sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini. Selain itu juga, bagi memantapkan lagi aktiviti pengesanan kes yang disyaki, KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah bekerjasama mengenal pasti pelajar atau pensyarah yang pulang bercuti dari negara China. Mereka yang telah dikenal pasti akan diletakkan di bawah pemantauan di rumah (*home surveillance*) dan diberikan Kad Amaran Kesihatan dan *Home Assessment Tool*. Sekiranya mereka ini menunjukkan gejala, pelajar atau pensyarah ini akan dirujuk ke fasiliti kesihatan yang telah dikenal pasti dengan segera.

Satu Jawatankuasa Khas bagi Misi Bantuan Kemanusiaan telah diaktifkan pada 30 Januari 2020. Jawatankuasa ini diselaraskan oleh pihak agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama dengan Kementerian Luar Negeri (KLN) dan KKM. Ia juga melibatkan agensi-agensi lain yang berkaitan serta syarikat penerbangan AirAsia dan Malaysia Airlines. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk meneliti perkara-perkara berkenaan keperluan membawa balik rakyat Malaysia dan keluarga yang berada di wilayah Hubei, China. Satu jawatankuasa teknikal diwujudkan dibawah Jawatankuasa Khas ini bagi memperincikan pengurusan membawa balik rakyat Malaysia termasuk aturgerak misi bantuan pengurusan tersebut. Pihak KLN sedang mengumpul jumlah sebenar rakyat Malaysia yang akan dibawa balik ke Malaysia. Pihak KLN juga masih meneruskan perbincangan dengan pihak kerajaan China untuk urusan bantuan tersebut.

Selain itu, orang awam dinasihatkan untuk menangguhkan perjalanan atau lawatan ke negara China disamping terus mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, dan segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan ke negara China. Maklumkan juga mengenai sejarah perjalanan berkenaan kepada doktor yang merawat. Semua pengamal perubatan, sama ada dari fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta hendaklah segera melaporkan kes-kes yang disyaki 2019-nCoV dengan menggunakan kaedah pelaporan sedia ada kepada KKM.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

30 Januari 2020